

SOALAN NO. : 52

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA
KINABALU]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan program dan dasar kerajaan dalam melindungi habitat, memelihara dan memulihkan kawasan hutan dan kawasan tadahan air di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Amalan pengurusan sumber hutan secara berkekalan atau *Sustainable Forest Management* (SFM) merupakan teras penting dalam pengurusan hutan bagi Kerajaan Negeri Sabah. Ini bagi memastikan pengurusan hutan yang efektif dan efisien berpandukan garis panduan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Ia juga untuk memastikan kawasan hutan dan kawasan tadahan air dilindungi sepenuhnya di samping sumbangan sektor perhutanan terus relevan dalam arus pembangunan negeri.

Antara dasar dan program pengurusan hutan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah termasuk mengisytihar dan mengekalkan kawasan tanah yang mencukupi di seluruh Negeri Sabah sebagai Hutan Simpan pelbagai kategori dan fungsi, selari dengan konsep penggunaan tanah rasional. Ini bertujuan untuk melindungi dan memulihara biodiversiti dan alam semula jadi serta memastikan bekalan berterusan hasil-hasil hutan untuk kesejahteraan sosial dan ekonomi rakyat Negeri Sabah. Jumlah peratusan kawasan yang dilindungi sepenuhnya berbanding dengan luas tanah Negeri Sabah adalah lebih kurang 53%.

Daripada keseluruhan luas kawasan Hutan Simpan lebih kurang 1.56 juta hektar telah diwartakan sebagai Kawasan Dilindungi Sepenuhnya (*Totally Protected Areas*, TPAs), iaitu 21% dari keluasan Negeri Sabah, melebihi sasaran 10% yang ditetapkan oleh *International Union for Conservation of Nature* (IUCN). Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan lagi kawasan TPAs kepada 2.1 juta hektar dalam tempoh 10 tahun akan datang. Tindakan ini adalah penting bagi tujuan mewujudkan koridor hidupan liar dan melindungi pelbagai habitat dan ekosistem hutan yang unik serta kepelbagaian biologi yang kaya di Negeri Sabah.

Selain itu, kerajaan negeri juga bergiat aktif dalam inisiatif konservasi seperti berikut:

- (i). Pemuliharaan seluas 240,000 hektar kawasan Hutan Simpan Ulu Segama khusus untuk konservasi habitat hidupan liar seperti Orang Utan, Badak Sumatra, Gajah dan Tembadau;
- (ii). Kinabatangan *Corridor of Life* (K-KOL) yang melibatkan pemuliharaan "riparian river" seluas 150,000 hektar kawasan hidupan liar untuk tujuan restorasi;
- (iii). Kawasan Pemuliharaan Lower Kinabatangan dan Segama Wetlands iaitu tapak RAMSAR yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 79,000 hektar;
- (iv) *Trusmi Conservation Area* seluas 74,736 hektar;
- (v). *Danum Valley Conservation Area* dengan keluasan 43,800 hektar yang menjadi tumpuan para penyelidik dan pelancong;

- (vi) *Maliau Basin Conservation Area* dengan keluasan 105,443 hektar; dan
- (vii). *Imbak Canyon Conservation Area* dengan keluasan 30,000 hektar.

Sekian, terima kasih.